

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
TAHUN 2020**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD  
FAKEH [ SABAK BERNAM ]**

**TARIKH : 11 OGOS 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [ SABAK BERNAM ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah pekerja terutamanya pekerja tempatan yang diberhentikan atau 'retrenched' oleh sektor swasta khususnya pekerja industri bagi tempoh 2018, 2019 dan terkini 2020 termasuk semasa pandemik COVID-19 dan nyatakan setakat manakah Sistem Insurans Pekerjaan (EIS) dapat membantu golongan ini untuk mendapat pekerjaan serta apakah langkah Kerajaan bagi membantu golongan pekerja rakyat negara ini yang terpaksa diberhentikan dan kehilangan pekerjaan ini untuk terus menyara kehidupan mereka dan keluarga.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, berhubung pertanyaan yang dibangkitkan oleh **YB Sabak Bernam**, sebagaimana sedia maklum, pandemik COVID-19 telah memberi impak besar kepada ekonomi global keseluruhannya termasuk di Malaysia. Inisiatif yang telah diperkenalkan bertujuan agar dapat menstabilkan ekonomi dan mengekang pembuangan

atau pemberhentian pekerjaan secara besar-besaran oleh sektor swasta khususnya.

2. Berdasarkan **rekod Sistem Insurans Pekerjaan (SIP)** berhubung dengan kes kehilangan pekerjaan adalah seperti berikut:

- i. Bagi rekod kehilangan pekerjaan untuk tahun 2018, sebanyak 23,697 kes telah diterima oleh Pejabat Sistem Insurans Pekerjaan ;
- ii. Bagi tahun 2019, sebanyak 40,084 kes kehilangan pekerjaan telah diterima oleh Pejabat Sistem Insurans Pekerjaan; dan
- iii. Setakat 31 Julai 2020, sebanyak 67,068 kes kehilangan pekerjaan telah diterima oleh Pejabat Sistem Insurans Pekerjaan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

3. Kerajaan telah memperkenalkan beberapa inisiatif di bawah Pakej PRIHATIN dan beberapa penambahbaikan di bawah PENJANA untuk membantu majikan agar dapat mengekalkan pekerja mereka dan juga mengekang dari berlakunya pemberhentian secara besar-besaran.

4. Inisiatif-Inisiatif yang diperkenalkan adalah seperti berikut:

- i. Memperkenalkan **Employment Retention Programme (ERP)** Bantuan segera (*immediate financial assistance*) sebanyak RM600 sebulan kepada majikan untuk dibayar bagi setiap pekerja yang diminta bercuti tanpa gaji (CTG) akibat penularan COVID-19.
- ii. Memperkenalkan **Program Subsidi Upah (PSU)**

Program ini adalah bertujuan untuk membantu majikan yang terkesan dari segi ekonomi akibat COVID-19 supaya dapat

## SOALAN NO : 15

meneruskan operasi syarikat serta mengelakkan pekerja hilang pekerjaan dan punca pendapatan. Tempoh PSU pada mulanya adalah untuk 3 bulan bermula pada 1 April 2020 dan telah dilanjutkan lagi untuk tempoh tiga (3) bulan di bawah PENJANA. Bantuan PSU adalah berdasarkan kepada tiga kategori saiz perusahaan.

- iii. Memperkenalkan **Program Insentif Pengambilan Pekerja** (*Hiring Incentive Programme*), Bantuan Mobiliti dan Program Latihan di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA). Program ini adalah bertujuan untuk merangsang pengambilan pekerja oleh majikan, di samping itu meningkatkan **kebolehpkerjaan** seseorang pekerja melalui latihan/latihan semula.

Program-program **di bawah PENJANA** untuk merangsang pengambilan pekerja oleh majikan adalah seperti berikut:

- Program *MyApprentice* - keutamaan diberi kepada graduan baharu atau *fresh graduate* atau pelajar lepasan sekolah;
- Program *HireMalaysia* - pengambilan pekerja tempatan di bawah umur 40 tahun dan berumur 40 tahun ke atas;
- Insentif Pengambilan Pekerja Tempatan dari golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) dan peserta Program *Return to Work* PERKESO;
- Bantuan Mobiliti secara *one-off* kepada pekerja yang berpindah dari lokasi tempat bermastautin ke tempat kerja baharu.
- Program latihan untuk pekerja berdasarkan keperluan majikan; dan
- Portal *MYFutureJobs* iaitu portal pekerjaan membantu majikan dan pencari kerja mendapatkan pekerjaan.

## SOALAN NO : 15

5. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, selain daripada inisiatif-inisiatif Kerajaan di bawah PRIHATIN dan PENJANA, Kerajaan telah memperkenalkan dan melaksanakan **Sistem Insurans Pekerjaan (SIP)** yang bertujuan untuk membantu mereka yang kehilangan pekerjaan.

6. Di bawah SIP, pekerja-pekerja yang kehilangan pekerjaan akan diberi bantuan kewangan segera untuk menampung perbelanjaan semasa dan juga bantuan pencarian pekerjaan baru. Jika syarat-syarat kelayakan dan caruman sebanyak 12 bulan dipenuhi, pekerja adalah layak untuk menuntut faedah penuh SIP seperti berikut:

- i. Elaun Mencari Pekerjaan (EMP)
- ii. Elaun Bekerja Semula Awal (EBSA)
- iii. Elaun Pendapatan Berkurangan (EPB)
- iv. Elaun Latihan
- v. Fi Latihan (Dibayar kepada Penyedia Latihan)

Sekian, terima kasih